

08 JAN 2002

TNB-PENGUMUMAN/I

TNB JANGKA PERBELANJAAN MODAL LEBIH RENDAH BAGI 2002

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Tenaga Nasional Bhd akan mengumumkan perbelanjaan modal yang lebih rendah tahun ini berbanding tahun lalu, kata pengerusinya, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis.

"Butiran terperinci akan diumumkan oleh ketua pegawai eksekutif/presiden TNB, Pian Sukro, sebelum akhir minggu ini," katanya kepada pemberita selepas satu majlis bagi kakitangan Tenaga Nasional di sini, hari ini.

Katanya, TNB akan mengeluarkan kenyataan itu memandangkan pelbagai unjuran yang dibuat oleh pasaran.

Dr Jamaludin berkata, TNB akan dapat mengeluarkan unjuran yang lebih tepat minggu ini selepas kerajaan membuat ramalan mengenai pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2001 dan 2002.

Kerajaan mengunjurkan pertumbuhan ekonomi sebanyak satu hingga dua peratus dalam tahun 2001, manakala Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa pertumbuhan dalam 2002 adalah kira-kira tiga peratus.

Dr Jamaludin berkata, pengumuman TNB itu akan disertai dengan data-data lengkap mengenai keupayaan penjanaan kuasa, loji janakuasa baru, margin rizab, permintaan yang diunjurkan dan perbelanjaan modalnya.

Katanya, perbelanjaan modal itu telah dikurangkan disebabkan oleh pertumbuhan permintaan terhadap tenaga elektrik yang lebih rendah.

"Perbelanjaan modal mesti menjana pendapatan. Ia hanya wajar jika ia menghasilkan pendapatan atau permintaan pada masa akan datang," katanya, sambil menambah bahawa perbelanjaan modal diperlukan bagi memperkukuhkan sistem atau mempertingkatkan kualiti.

Katanya, perlunya cara-cara sentiasa dicari untuk mengurangkan perbelanjaan modal adalah di antara sebab-sebab TNB baru-baru ini bersetuju dengan cadangan SKS Ventures Sdn Bhd untuk memindahkan loji janakuasa berkuasa arangnya di Pulau Bunting, Kedah, ke Johor, di lokasi berdekatan dengan Pelabuhan Tanjong Pelepas.

Katanya, langkah ini akan mengurangkan kos pembinaan loji janakuasa dan SKS akan dapat menawarkan tenaga elektrik pada harga yang berdaya saing kepada TNB.

Bagaimanapun, oleh kerana sebuah loji janakuasa masih diperlukan di Pulau Bunting bagi memenuhi keperluan di kawasan utara, khususnya Pulau Pinang, pembinaan loji janakuasa berkuasa gas di sini akan bermula bulan ini, katanya.

"Pembekal-pembekal telahpun dilantik, kerja-kerja mereka bentuk telah bermula manakala kerja-kerja menyiapkan tapak bagi fasa satu akan bermula bulan ini," tambahnya.

Fasa satu, yang dijangka menelan belanja RM500 juta dan akan siap dalam tempoh dua setengah tahun, akan dapat menjana 300 MW tenaga elektrik, katanya.

Tentang penjual 40, peratus kepentingan TNB dalam Loji Janakuasa Kapar, Jamaludin berkata, keseluruhan urusan niaga itu dijangka selesai dalam suku pertama tahun ini.

Katanya, TNB dan Malakoff dijangka menandatangani perjanjian jual beli dan perjanjian pembelian tenaga tidak lama lagi.

Menurut beliau, TNB akan menjual kepentingannya dalam sekurang-kurangnya sebuah loji janakuasa lain dalam suku pertama tahun ini, tetapi beliau enggan menamakan loji tersebut.

Penjualan kepentingan itu akan bergantung kepada tawaran. Jika tawarannya sesuai, ia akan dijual, katanya.

Kata Dr Jamaludin banyak pertanyaan telah diterima dan pihak pengurusan sedang menilai tawaran-tawaran yang dibuat. -- BERNAMA

MSL SD KY OS